



EDISI

# أبصار MAIS



[www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)



## REALITI INTEGRITI VS HIPOKRASI (HIPOKRIT)

**Integriti Dalam  
Penentuan Fatwa**

Ms 6

**Tiada Integriti  
Terhadap Agama**

Ms 7

**Amanah Tergadai  
Dalam Urusan  
Pusaka**

Ms 9



### Sekilas Pandang

"Insan yang cemerlang mengutamakan integriti dalam kehidupan. Laksana tanggungjawab dengan penuh amanah, bersikap jujur dan jauhi penyelewengan."

(Tuan Haji Mohd Sabirin bin Mohd Sarbini, Setiausaha MAIS)

**Bolehkah AI, Melangkaui  
Hukum**

Ms 17





# Tahniah & Selamat Datang

**TUAN HAJI MOHD SABIRIN BIN MOHD SARBINI**

SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

MULAI 16 JULAI 2025

*Uffulas Daripada:*

**Pengerusi,  
Anggota, Pengurusan &  
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**



Majlis Agama Islam Selangor



mais\_officialhq



maisgovmy

[www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)



Sidang Editorial

**EDISI**

**PENASIHAT**

Tuan Haji Mohd Sabirin bin Mohd Sarbini

**KETUA PENGARANG**

Puan Hajah Noormala binti Mohd Sa'ad

**PENGARANG**

Encik Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

**EDITOR**

Puan Salawati binti Hamid

**SUBEDITOR/PRUF**

Encik Norzaili bin Taib

**KOLUMNIS**

Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid

Dr. Haji Halim bin Mokhtar

Encik Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Ustaz Hasal bin Senin

Encik Shahrul Effendy bin Md Saat

Puan Maryam binti Md Zin

Ustaz Mohamad Shukry bin Sulaiman

Ustaz Haji Mohammad Salleh bin Haji Abdul Saha

Ustaz Haji Muhamad Rafee bin Rahman

Encik Muhammad Hafiz bin Bahari

Dengan Kerjasama:



# WAWANCARA KHAS: SERIUSKAH INTEGRITI DI MAIS?



Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** ([hamizul@zakat.selangor.com.my](mailto:hamizul@zakat.selangor.com.my))  
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

**W**awancara bersama YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Parlimen, Tatakelola, Integriti dan Antirasuah, Malaysia bersama Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid, kolumnis editorial Edisi MAIS.

## Mukadimah

Kalimah integriti umumnya disamakan dengan kejujuran. Musuh kepada integriti ialah hipokresi atau kepura-puraan. Integriti mampu membina peradaban. Hipokresi mampu meruntuhkan. Lalu, seserius manakah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan agensinya dalam menghayati budaya integriti ini? Ikuti wawancara jujur ini bersama Pengerusi MAIS.

### Soalan 1

Pada pendapat Dato' Setia, apakah MAIS dan seluruh agensinya benar-benar telah menghayati budaya kerja berintegriti di negeri ini?

#### Jawapan:

Alhamdulillah saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas kesempatan untuk kita bertemu di dalam wawancara eksklusif ini. Seperti yang ustaz sedia maklum saya baru sahaja lebih kurang enam bulan mengambil alih tampuk pimpinan MAIS dan dalam tempoh tersebut banyak yang telah saya pelajari dan hayati tentang fungsi institusi seperti MAIS ini yang diamanahkan untuk memelihara kemaslahatan umat Islam.

Apa yang dapat saya perhatikan di dalam tempoh yang singkat ini MAIS sedang berada di dalam landasan yang betul bagi memacu umat Islam khususnya di Selangor ini ke arah kehidupan yang sejahtera, berdaya saing serta kehidupan yang diredai Allah SWT. Saya juga yakin MAIS mampu untuk membangunkan peradaban Islam yang unggul dan penuh keberkatan.

Cuma apa yang perlu dititikberatkan dan diteliti adalah untuk membangunkan budaya kerja berintegriti dan telus di dalam setiap sesuatu yang dilaksanakan. Tidak dapat dinafikan MAIS telah meletakkan sistem pemantauan, garis panduan tatakelola serta audit dalaman bagi memastikan setiap keputusan dan tindakan berpaksikan integriti, namun masih ada ruang untuk penambahbaikan.

### Soalan 2:

Apakah aspek integriti yang paling mudah tetapi signifikan untuk dijadikan amalan bersama dalam kalangan warga MAIS dan agensinya?

#### Jawapan:

Bagi saya, perkara yang paling mudah untuk dilakukan tetapi sangat signifikan ialah kejujuran dan keikhlasan dalam melaksanakan tugas seharian. Ia termasuk disiplin di dalam pelbagai aspek termasuk pematuhan waktu kerja, teliti di dalam setiap yang dilakukan, telus dalam melaporkan sesuatu perkara, serta tidak menyalahgunakan kuasa atau kedudukan. Saya yakin jika setiap warga MAIS berpegang kepada prinsip ini, maka budaya integriti akan berkembang secara semula jadi dan menjadi kebanggaan bersama.

## WAWANCARA KHAS:

# SERIUSKAH INTEGRITI DI MAIS?

### Soalan 3:

Selain MAIS induk, apakah peranan agensi lain seperti Lembaga Zakat Selangor, Perbadanan Wakaf Selangor, Yayasan Islam Darul Ehsan serta NGO-I dalam memperkasakan budaya integriti ini?

### Jawapan:

Setiap agensi mempunyai peranan yang besar. Sebagai contoh, Lembaga Zakat Selangor (LZS) mempunyai amanah yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara integriti dalam pengurusan dana zakat agar sampai kepada matlamat asal pemberian zakat iaitu menyantuni para asnaf yang layak untuk menerimanya. Usaha berterusan perlu dilakukan bagi mengenal pasti golongan fakir dan miskin agar mereka tidak ketinggalan untuk mendapat manfaat zakat dan memelihara kehidupan mereka. Di samping itu perlu juga difikirkan kaedah untuk membangunkan para asnaf ini agar mereka suatu hari nanti dapat hidup berdikari dan keluar dari arus kemiskinan serta menjadi pembayar zakat pada masa hadapan.

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) pula perlu telus dalam mengurus harta wakaf demi masalah umat. Idea-idea baharu bagi pengurusan harta umat Islam perlu dilahirkan bagi memastikan harta ini terus berkembang dan dapat dimanfaatkan secara optimum bagi faedah dan keuntungan umat Islam.

Begitu juga Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), Teraju Ekonomi Asnaf Selangor (TERAS) serta agensi-agensi yang lain perlu membuat perancangan di luar kotak untuk memberi perkhidmatan dan bantuan sebaiknya kepada umat Islam dengan berteraskan budaya integriti yang tinggi. Integriti bukan sekadar satu slogan, namun ia mestilah dizahirkan melalui ketelusan, profesionalisme dan akauntabiliti. Di samping itu MAIS perlu sentiasa mendampingi NGO-I untuk mereka menjadi duta kepada segala perancangan dan usaha MAIS untuk dilaksanakan dan disampaikan kepada masyarakat.

### Soalan 4:

MAIS sudah melancarkan Perancangan Strategik lima tahun, apakah perkara yang paling Dato' Setia khawatirkan yang bakal merencatkan pencapaian itu? Adakah ia berkait dengan budaya integriti?

### Jawapan:

Benar, cabaran paling besar ialah apabila wujud elemen yang merosakkan budaya integriti - seperti rasuah sama ada secara kecil atau berskala besar, penyelewengan amanah atau sikap tidak ambil berat akan tanggungjawab serta bersikap sambil lewa di dalam melaksanakan tugas seharian. Semua ini boleh menjejaskan matlamat pencapaian strategik MAIS. Sebab itu, MAIS amat menekankan aspek pengurusan risiko, audit berkala, kemahiran kakitangan di dalam tugas mereka dan pemeraksanaan nilai Islam dalam kalangan warga kerja. Jika integriti dan budaya kerja yang betul dapat diserapkan ke jiwa warga MAIS saya, insya-Allah saya percaya segala perancangan akan membuahkan hasilnya.

### Soalan 5:

Apakah pesanan Dato' Setia kepada umat Islam di Selangor berkaitan penghayatan budaya integriti?

### Jawapan:

Saya ingin berpesan bahawa integriti bukan sekadar untuk penjawat awam atau pegawai MAIS, tetapi ia adalah tuntutan agama bagi setiap Muslim. Nabi SAW menekankan bahawa orang beriman itu tidak akan menipu, tidak akan khianat dan sentiasa menunaikan amanah yang diberikan. Adalah menjadi harapan saya agar budaya memelihara integriti ini menjadi budaya hidup setiap warga MAIS dalam setiap tindak-tanduk mereka sama ada ketika bekerja mahupun ketika bersama keluarga. Jika budaya ini subur, MAIS dan negeri Selangor akan terus maju dan sejahtera dengan keberkatan Allah SWT.

## KESIMPULAN

Integriti ialah asas kekuatan MAIS dalam memacu peradaban Islam di Selangor. Tanpanya, segala perancangan strategik akan terbantut. Integriti juga bermula dari sekecil-kecil perkara hinggalah ke sebesar-besarnya. Misalnya ketika membuka tender, maka setiap peluang kontrak perlu dibuka secara saksama dan mematuhi *good governance* (tatakelola yang baik). Ia bukan sekadar menafikan anak-beranak; namun lihat sama ada layak atau tidak. Ertinya, pelihara integriti pada setiap langkah tanpa kompromi.

Contohnya, jika kita memerlukan tiga syarikat, maka jangan ubah walau apa keadaan sekali pun. Jangan ubah sesuatu apa pun dengan kehendak sendiri, membuat invoice palsu dan sebagainya yang tidak betul, walaupun ia tidak melibatkan kepentingan diri sendiri. Ia tetap dikira tidak menjaga integriti.

Oleh itu, integriti perlu dihayati dalam semua lapisan dari atas ke bawah. Lebih-lebih lagi apabila melibatkan institusi agama, maka siapa lagi akan mempercayai kita jika institusi agama pun tidak ada integriti. Ingatlah, perbuatan jahat di tempat lain tidak seteruk kesannya jika dibuat di sekolah agama atau di institusi agama, seperti membuli dan mengambil rasuah, misalnya.

Oleh itu, setiap warga MAIS dan agensi di bawahnya hendaklah sentiasa menghayati nilai integriti, kejujuran dan keikhlasan di dalam kehidupan seharian demi mencapai kejayaan dan keredaan Allah SWT. **Edisi**



# INTEGRITI PELAJAR CEMERLANG



Oleh: **Dr. Haji Halim bin Mokhtar** ([halim@uis.edu.my](mailto:halim@uis.edu.my))  
Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Universiti Islam Selangor (UIS)

**T**ragedi menyayat hati yang menimpa pelajar arwah adik Zara Qairina merupakan sejarah pilu dalam dunia pendidikan kita. Seorang pelajar yang memiliki sahsiah yang baik tetapi terkorban di lokasi yang sepatutnya menjadi zon selamat bagi setiap pelajar. Ini merupakan antara insiden yang berlaku di institusi pendidikan yang mendapat perhatian masyarakat dan memperlihatkan dunia pendidikan semakin mencabar.

Kejayaan akademik bukanlah satu-satunya ukuran kecemerlangan seorang pelajar. Nilai dan sahsiah diri, khususnya integriti, memainkan peranan penting dalam membentuk pelajar yang cemerlang dalam akademik dan memiliki sahsiah terpuji.

Integriti merujuk kepada sifat jujur, amanah dan berpegang teguh pada prinsip akhlak dan moral yang sejati. Pelajar yang berintegriti tidak hanya mengutamakan keputusan yang cemerlang, tetapi juga cara yang betul untuk mencapainya, bukan melalui penipuan, plagiat, meniru dalam peperiksaan dan sebarang bentuk ketidakjujuran dalam pembelajaran serta sentiasa mengutamakan ketinggian nilai akhlak dan moral.

Integriti sangat penting kepada seorang pelajar kerana ia membentuk asas kepada keperibadian yang mulia dan kejayaan yang sebenar seorang insan. Berikut mengapa integriti sangat penting bagi seorang pelajar di antaranya:

## 1. Membentuk Sahsiah Terpuji

Integriti melahirkan pelajar yang berdisiplin, patuh kepada peraturan dan konsisten dalam melakukan perkara yang betul bertunjangan Agama Islam. Sahsiah yang baik memberi kesan positif dalam akademik dan kehidupan seharian serta mendorong untuk terus berjaya.

## 2. Meningkatkan Prestasi Akademik

Integriti mendorong peningkatan kesungguhan pelajar tanpa melakukan salah laku. Kejayaan yang diperolehi adalah hasil usaha sendiri, bukan cara yang salah dan menolak sebarang bentuk salah laku akademik seperti meniplak atau menjadi "free rider" dalam tugasan yang diamanahkan.

## 3. Membina Imej yang Dihormati

Integriti membina keperibadian yang dihormati dan membugarkan jiwa kepimpinan yang holistik dan mampan. Ia dapat membantu membina reputasi yang baik dalam hubungan sosial dan persiapan awal dalam pembinaan pemimpin masa depan yang berintegriti, memerangi rasuah dan "walk the talk".

## 4. Mewujudkan Suasana yang Harmoni

Integriti akan menjelmakan suasana di sekolah/universiti lebih kondusif, selamat, dan harmoni. Tiada persaingan tidak sihat atau sikap mementingkan diri. Pelajar yang berintegriti dapat membezakan antara yang betul dan salah. Tidak berkompromi dalam gejala negatif seperti ponteng, buli, atau vandalisme.



Bagi memperkasa integriti di institusi Pendidikan, Universiti Islam Selangor (UIS) di bawah pimpinan Naib Canselor YBhg Dato' Prof. Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah telah melancarkan Polisi Integriti pada 28 Mei 2025 sebagai langkah strategik untuk mengukuhkan tadbir urus yang berintegriti dan berakuntabiliti di samping warga UIS turut melafazkan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) sebagai simbol komitmen menyeluruh dalam memelihara integriti Universiti sebagai peneraju tradisi ilmu dalam melahirkan Daei, Ulama dan Umara.

Sesungguhnya integriti memainkan peranan penting dalam kehidupan seorang pelajar. Di saat kesibukan negara menuju pembangunan teknologi tanpa sempadan dan perindustrian, penekanan nilai integriti adalah asas kepada kejayaan sebenar sebuah negara. Bersama kita perkasakan nilai integriti di kalangan guru, pelajar dan Institusi ke arah kecemerlangan akademik dan ketinggian sahsiah serta bersedia dengan tindakan pencegahan tanpa mengira pangkat dan darjat. Ingatlah, Integriti bukan hanya mencerminkan siapa mereka sekarang, tetapi siapa mereka pada masa akan datang. Renungkan firman Allah yang bermaksud:

*Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.*

(Surah Al-Nahl ayat 90). **Edisi**



# INTEGRITI DALAM FATWA: MEMBINA KEPERCAYAAN UMMAH DAN KREDIBILITI INSTITUSI



Oleh: **Ustaz Mohamad Shukry bin Sulaiman (shukry@muftiselangor.gov.my)**  
Ketua Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor

**F**atwa merupakan salah satu instrumen penting dalam menjelaskan hukum-hakam Islam serta memberikan panduan kepada umat Islam dalam menangani isu-isu kontemporari. Di Selangor, fatwa dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri melalui Jawatankuasa Fatwa Negeri yang berperanan memastikan segala ketetapan yang dibuat adalah selaras dengan prinsip syariah dan masalah ummah.

Masyarakat awam wajar memahami bahawa setiap fatwa yang dikeluarkan telah melalui satu proses penyelidikan dan perbincangan yang rapi serta menyeluruh. Proses ini bermula dengan kajian dan penyelidikan mendalam oleh pasukan penyelidik, dan diikuti oleh perbincangan dalam mesyuarat Pre-Council. Mufti sebagai pengerusi tidak membuat keputusan secara peribadi, sebaliknya mempertimbangkan pandangan dan hujah yang dikemukakan oleh ahli-ahli mesyuarat.

Setelah keputusan dicapai, urus setia jawatankuasa akan menggubal sighth fatwa untuk ditimbang teliti oleh Jawatankuasa Teknikal Pengharmonian Sighth Fatwa sebelum diluluskan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk pewartaan. Fatwa tersebut kemudiannya diangkat untuk disembah perkenan oleh DYMM Tuanku Sultan seterusnya diangkat kelulusan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebelum diwartakan secara rasmi. Hanya setelah diwartakan, fatwa tersebut memperoleh kuasa mengikat terhadap umat Islam di negeri terbabit dan mempunyai implikasi perundangan.

Rantainya proses integriti ini penting dalam pengeluaran fatwa kerana ia membina kepercayaan masyarakat terhadap institusi fatwa. Apabila fatwa dikeluarkan dengan integriti, masyarakat akan lebih yakin dan akur dengan keputusan tersebut, kerana ia dilihat sebagai panduan yang adil dan benar, dan bukan sebagai alat untuk mencapai agenda tertentu. Ini juga menjamin kesejahteraan agama dan sosial, di mana keputusan fatwa dapat memelihara keharmonian dan kemaslahatan umat Islam.

Sudah barang pasti, pengeluaran sesuatu fatwa di Selangor tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya, sebaliknya melalui prosedur tersusun yang berlandaskan penelitian rapi daripada pelbagai pihak yang berkepakaran.

Menjunjung titah DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada 18 Julai 2025 berkenan menegaskan bahawa proses pengeluaran sesuatu fatwa di negeri Selangor akan melalui proses yang teratur lagi teliti dan mengambil pandangan daripada banyak pihak terutama daripada anggota Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan pakar-pakar hukum syarak.

Menjadi keutamaan memartabatkan hukum Allah SWT adalah amanah yang akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT. Bagi orang awam tidak perlu dibebankan untuk berdalil dan berfatwa dalam serba-serbi amalannya. Orang awam boleh menyandarkan amalan mereka kepada fatwa yang telah dikeluarkan dengan melaksanakan setiap keputusan demi memelihara dan melaksanakan segala perintah dan larangan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Ini melibatkan pemahaman yang mendalam tentang ajaran Islam, kesedaran tentang pentingnya amanah, dan komitmen untuk menunaikannya dalam kehidupan.

Beberapa prinsip utama sebagai manhaj sebuah fatwa dihasilkan dengan penuh integriti adalah:

- A** Amanah ilmu dalam penyelidikan yang berkaitan dengan fatwa melalui proses kajian yang komprehensif. Sebelum mengeluarkan fatwa, Jawatankuasa Fatwa harus melakukan kajian yang mendalam. Ini melibatkan pengumpulan data, analisis teks-teks klasik (turath), dan perbincangan dengan para pakar dalam pelbagai bidang, seperti perubatan, kewangan, atau sains, jika isu tersebut memerlukan;
- B** Tidak mengambil mudah terhadap sesuatu fatwa seperti mencari-cari rukhsah dan helah yang tidak dibenarkan dalam Syarak atau mengambil mudah dalam proses mengistinbat hukum serta tidak bersungguh-sungguh dalam proses berijtihad;
- C** Berpegang teguh dan pematuhan terhadap metodologi dalam memberi sesuatu fatwa. Pematuhan metodologi ini merangkumi dua aspek utama iaitu memahami terhadap realiti yang memerlukan kepada penyelidikan sempurna terhadap sesuatu isu dan merujuk kepada Quran, Sunah, ijmak dan qiyas serta kemaslahatan dan menepati tuntutan maqasid Syariah. Fatwa yang berintegriti juga mengambil kira realiti semasa (waqi') dan keadaan masyarakat. Ia tidak boleh terlalu kaku sehingga menyusahkan umat, tetapi juga tidak terlalu longgar sehingga melanggar prinsip asas syariah; dan
- D** Tidak terikat dengan kepentingan luar Jawatankuasa Fatwa harus bebas daripada tekanan politik, ekonomi, atau sosial. Keputusan fatwa harus dibuat semata-mata untuk menjaga kemaslahatan umat dan memelihara syariat Islam.

Apa yang menyedihkan adalah landskap mutakhir ini sedikit berubah apabila sebahagian masyarakat lebih beradaptasi dengan fatwa media sosial yang tidak diketahui asal punca sehingga menimbulkan keraguan dalam kalangan umat Islam. Sebahagiannya dipengaruhi oleh pihak tidak berautoriti yang mengeluarkan pandangan bercanggah malah ada yang melabelkan fatwa baharu sebagai bid'ah. Situasi ini mengakis keyakinan masyarakat terhadap fatwa rasmi dan mewujudkan dua kelompok: satu yang patuh kepada fatwa rasmi, dan satu lagi yang menentanginya. Ayuh... jangan biarkan diri anda terus membungkam jahil, rujuklah pihak berautoriti dalam menyelesaikan masalah agama. **Edisi**

# PENUNGGANG AGAMA



Oleh: **Puan Maryam binti Md Zin (maryam@jais.gov.my)**  
Penolong Pengarah Kanan, Unit Dasar & Strategi,  
Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

**A**dakah anda pernah melihat seorang yang digelar ustaz membuat salah laku sehingga dikatakan sebagai penunggang agama? Adakah ustaz berkenaan boleh digelar sebagai penunggang agama? Bagi saya ia bergantung kepada perbuatan yang dilakukan. Agamawan sejati berdakwah demi Allah SWT manakala penunggang agama menyalahgunakan agama sebagai 'kenderaan' untuk mendapatkan keuntungan peribadi, kepentingan diri dan memanipulasi orang lain. Perbuatan ini bertentangan dengan prinsip-prinsip integriti dalam beragama.

Oleh kerana agama mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam kehidupan masyarakat, terdapat individu menampilkan diri sebagai orang yang arif ilmu agama dan menggunakan retorik agama untuk mendapat kuasa dan pengaruh luar biasa yang boleh mengawal pemikiran, emosi dan tindakan pengikut.

Penunggang agama selalu mengambil ayat al-Quran atau hadis di luar konteks untuk menyokong agenda peribadi. Adakalanya mereka juga membuat dakwaan tentang perkara-perkara yang hanya diketahui oleh Allah SWT seperti meramalkan masa depan atau menyatakan bahawa mereka mempunyai petunjuk istimewa. Selain itu, ceramah atau perkongsian mereka lebih menumpukan pada keuntungan kewangan, status sosial atau sokongan politik berbanding dengan penguatan akidah, ibadah dan akhlak. Terdapat juga ketidakseimbangan antara ajaran zuhud yang sering dilaungkan dengan gaya hidup mereka yang sangat mewah. Mereka juga kerap melabel orang yang berbeza pandangan dengan gelaran negatif atau menanamkan rasa permusuhan dalam masyarakat. Ia adalah manifestasi tidak berintegriti yang merosakkan bukan sahaja individu yang melakukannya tetapi juga kepercayaan masyarakat terhadap agama Islam.

Apabila seorang ustaz yang sepatutnya menjadi teladan tetapi terlibat rasuah, zina, pekerti yang buruk atau menyampaikan ceramah yang tidak seimbang seperti cenderung kepada fatwa yang menguntungkan diri sendiri boleh menyebabkan kekeliruan dalam membezakan antara ajaran yang benar dengan kepentingan peribadi ustaz tersebut. Ia melahirkan golongan pengikut yang fanatik yang mempertahankan ustaz mereka walau apa pun kesalahannya. Akibatnya, sesetengah orang akan melihat agama gagal untuk membentuk peribadi yang mulia atau melihat perbuatan buruk ini sebagai cerminan ajaran Islam. Ia seolah-olah memberi 'senjata' kepada musuh yang sentiasa mencari ruang untuk mengkritik dan mencemarkan imej Islam.

Umat Islam perlu bertanggungjawab untuk bersikap kritis dan tidak membabi buta. Tugas kita adalah untuk menapis dan menilai setiap ceramah yang diterima, memastikan ia selari dengan kebenaran yang hakiki dan tidak mudah terpedaya kata-kata serta penampilan luaran semata-mata. Kita juga perlu menilai ilmu yang disampaikan dan akhlaknya tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Sekiranya terdapat ilmu tidak diiktiraf atau akhlaknya tidak berintegriti, tegurlah secara hikmah dan bijaksana atau melaporkan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (talian 1800-88-2424) atau emel kepada [skk@jais.gov.my](mailto:skk@jais.gov.my) jika ada bukti yang jelas terhadap salah laku penceramah atau membuat laporan polis terhadap perbuatan kesalahan jenayah dan sivil atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap penyelewengan dan rasuah.

Kesimpulannya, jika kita digelar ustaz / ustazah dan mempunyai ilmu agama yang diiktiraf; tunaikanlah tanggungjawab dengan penuh integriti. Jika kita bukan ustaz / ustazah, tunaikanlah tanggungjawab kita untuk memilih sumber ilmu agama sahih dan tidak mudah terpedaya dengan individu yang tidak berintegriti dalam beragama. Semoga kita sentiasa mengikuti ajaran al-Quran dan sunnah yang benar dan berada dalam rahmat Allah SWT sepanjang masa. **Edisi**

## Ingin mengajar agama? pastikan BERTAULIAH.

Ingin memohon tauliah?

layari: [etauliah.mais.gov.my](http://etauliah.mais.gov.my)



### 1 Permohonan

- Dibuka pada 1hb - 10hb setiap bulan.
- Fi permohonan: RM20

### 2 Ujian

- Boleh diambil dalam tempoh 72 jam selepas permohonan jika menepati syarat.
- Tempoh menjawab 1 jam 30 minit

### 3 Temuduga

- Pemohon memilih tarikh temu duga.
- Dilaksanakan pada minggu ke-3/ke-4 setiap bulan.

Permohonan hingga  
temu duga pada  
BULAN YANG SAMA

# BULI, PERANAN INSTITUSI AGAMA



Oleh: **Ustaz Hasal bin Senin (hasal@mais.gov.my)**  
Pembantu Eksekutif, Unit Pembangunan Kompetensi,  
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

**A** lhamdulillah kita dapat bertemu sekali lagi dalam majalah Edisi MAIS keluaran BIL 3/2025. Pada pertemuan kali ini saya ingin berkongsi mengenai tajuk yang sedang hangat diperkatakan di media sosial bahkan di bahas di Parlimen. Isu yang dimaksudkan ialah; **'BULI, PERANAN INSTITUSI AGAMA'**.

Perkembangan mutakhir telah memperlihatkan kepada kita akan gejala yang melanda negara kita berhubung dengan disiplin para pelajar di negara ini khususnya isu buli. Sebagai sebuah masyarakat yang berteraskan nilai rahmah dan keadilan, isu buli tidak boleh lagi dilihat sebagai kes terencil atau sekadar masalah disiplin pelajar. Ia adalah manifestasi kepada keretakan dalaman sistem yang lebih besar iaitu kelemahan sistem pendidikan dalam membentuk akhlak, keaburan peranan sosial dalam mendidik serta kerapuhan menanam roh keagamaan dan adab dalam diri insan. Terdapat beberapa jenis buli antaranya ialah buli fizikal, buli lisan, buli siber, dan buli sosial. Buli juga boleh berlaku dalam pelbagai bentuk seperti buli di sekolah, di tempat kerja, dan di alam maya.

Apa yang pasti ialah rata-rata masyarakat hari ini sedang kebingungan dengan musibah keruntuhan akhlak di kalangan para pelajar kita. Dan pastinya juga pelbagai persoalan timbul di benak fikiran kita. Apakah pihak sekolah selaku institusi pendidikan gagal menangani masalah itu? Bagaimana pula peranan ibubapa dan keluarga? Sejauh manakah keprihatinan pemimpin dalam soal ini? Bagaimana pula reaksi institusi agama dalam menanganinya? Sebelum dikaji konsep pendidikan, kita juga perlu sedar dan insaf bahawa pendidikan bukanlah tugas pihak tertentu sahaja, tetapi adalah amanah dan tanggungjawab semua meliputi individu, ibubapa dan keluarga, pemimpin masyarakat dan negara.

## PERANAN INSTITUSI AGAMA DALAM MENCEGAH BULI

1

### PENDIDIKAN AGAMA

Institusi agama boleh memberikan pendidikan agama yang komprehensif kepada masyarakat, menekankan nilai-nilai seperti kasih sayang, empati, dan keadilan. Pendidikan ini boleh dilaksanakan melalui ceramah, kuliah, program keagamaan, dan pengajaran di sekolah agama.

### DAKWAH DAN NASIHAT

Institusi agama boleh menjalankan dakwah dan memberikan nasihat kepada masyarakat, termasuk pembuli dan mangsa buli, untuk menyedarkan mereka tentang kesan buruk buli dan mengajak mereka untuk berubah.

2

3

### TELADAN YANG BAIK

Pemimpin agama dan tokoh masyarakat boleh menjadi contoh teladan yang baik dengan menunjukkan akhlak mulia dan tingkah laku yang terpuji dalam kehidupan seharian.

### PENYEDIAAN KAUNSELING

Institusi agama boleh menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada mangsa buli dan juga pembuli, bagi membantu mereka mengatasi trauma dan mengubah tingkah laku.

4

5

### KERJASAMA DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Institusi agama boleh bekerjasama dengan sekolah, keluarga, dan pihak berkuasa lain untuk menangani isu buli secara holistik.

## KESIMPULAN

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) prihatin dan cakna terhadap isu ini dan sentiasa memainkan peranan penting dalam mencegah dan menangani isu buli. Dengan penerapan nilai-nilai agama dalam pendidikan, dakwah, dan kehidupan seharian, kita boleh mewujudkan masyarakat yang lebih berakhlak, harmoni, dan bebas daripada buli. **Edisi**

**'HENTIKAN STIGMA BULI  
DAN KATAKAN TIDAK  
KEPADA PEMBULI'**



# Amanah Tergadai Dalam Urusan Pusaka



Oleh: **Tuan Haji Mohammad Salleh bin Abdul Saha** ([salleh@mais.gov.my](mailto:salleh@mais.gov.my))  
Ketua Bahagian Dakwah dan Pemasaran, Sektor Baitulmal,  
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)



## Pendahuluan

Harta pusaka bukan sekadar nilai wang atau aset fizikal yang ditinggalkan oleh si mati, tetapi ia adalah amanah yang wajib diuruskan dengan adil menurut hukum syarak. Malangnya, realiti di lapangan menunjukkan semakin banyak kes di mana amanah ini tergadai akibat salah urus, perebutan, dan pengkhianatan oleh pihak yang diamanahkan. Situasi ini bukan sahaja mencetuskan konflik kekeluargaan, malah boleh menjerumuskan pelaku kepada dosa besar.

## Konsep Amanah Dalam Pembahagian Pusaka

Dalam Islam, pembahagian harta pusaka adalah hak yang telah ditetapkan oleh Allah melalui hukum faraid. Firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa' ayat 7 – 10 jelas memberi amaran kepada sesiapa yang melanggar ketetapan ini.

Amanah di sini merangkumi:

- 1 Mengurus harta pusaka mengikut hukum syarak dan undang-undang.
- 2 Memastikan semua waris berhak menerima bahagiannya tanpa sengaja melengahkan atau menyembunyikan maklumat.
- 3 Mengelak penyelewengan seperti menafikan hak anak yatim, menjual dan memindah hak tanpa persetujuan semua waris.

## Bentuk Amanah yang Tergadai

- 1 **Memanipulasi maklumat waris** – Tidak mengisytiharkan kewujudan waris tertentu untuk mengurangkan bilangan penerima.
- 2 **Menguasai harta sebelum proses pembahagian** – Mengambil hasil sewaan, memajak atau menjual harta tanpa persetujuan.
- 3 **Menangguh pembahagian tanpa alasan syarie** – Menyebabkan waris lain menunggu bertahun-tahun, malah ada yang meninggal sebelum menerima haknya.
- 4 **Menukar status harta** – Menjadikan harta pusaka sebagai harta sendiri melalui pindah milik secara tidak sah.

## Punca Pengkhianatan Amanah

- 1 **Ketamakan** – Mengutamakan kepentingan diri berbanding hak bersama.
- 2 **Kurang ilmu faraid** – Tidak memahami pembahagian sebenar mengikut hukum.
- 3 **Tiada dokumen perancangan harta** – Wasiat, hibah atau dokumen rasmi yang lemah menyebabkan kekeliruan.
- 4 **Sikap sambil lewa** – Menganggap pengurusan pusaka boleh ditangguh tanpa kesan.

## Kesan Amanah yang Tergadai

- 1 **Pecah-belah keluarga** – Hubungan adik-beradik retak, komunikasi terputus.
- 2 **Tindakan undang-undang** – Kes diheret ke mahkamah syariah atau sivil.
- 3 **Dosa besar di sisi Allah** – Pengkhianatan amanah adalah perbuatan fasik yang boleh membawa azab akhirat.
- 4 **Kerugian ekonomi** – Harta beku lama menyebabkan nilai susut dan peluang pelaburan terlepas.

## Langkah Mengelakkan Amanah Tergadai

- 1 **Lantik pentadbir yang amanah dan berintegriti** – Pilih individu yang diyakini atau institusi agama seperti Majlis Agama Islam Selangor.
- 2 **Sediakan dokumen perancangan harta** – Penyediaan dokumen wasiat atau hibah bersama Majlis Agama Islam Selangor.
- 3 **Selesaikan urusan pusaka segera** – Jangan menangguhkan dalam urusan pusaka yang boleh membuka ruang penyelewengan.
- 4 **Dapatkan nasihat pakar** – Gunakan khidmat Majlis Agama Islam Selangor untuk runding cara berkaitan pusaka atau peguam syarie yang berkepakaran dalam bidang pusaka.

## Kesimpulan

Mengurus pusaka adalah ibadah, bukan sekadar urusan dunia. Apabila amanah tergadai, bukan sahaja hak waris terabai, malah keberkatan harta hilang. Setiap waris dan pentadbir wajib sedar bahawa mereka akan dipersoalkan di hadapan Allah atas segala tindakan. Justeru, Majlis Agama Islam Selangor mengajak masyarakat untuk melantik MAIS sebagai wasi (pentadbir) dalam menguruskan harta pusaka kita. MAIS menyediakan perkhidmatan wasiat, hibah dan pusaka bagi memastikan umat Islam merancang dan menguruskan harta dengan cara baik. Untuk maklumat lanjut boleh **layari laman sesawang [www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my) atau hubungi 03-5514 3773 atau 03-5514 3772. Edisi**

# MASJID AL-HASANAH BANDAR BARU BANGI



Oleh: **Ustaz Haji Muhamad Rafee bin Rahman**  
(rafee.rahman@zakatselangor.com.my)  
Eksekutif Dakwah dan Perundingan,  
Lembaga Zakat Selangor (LZS)

**M**asjid Al-Hasanah telah dibina untuk penduduk Bandar Baru Bangi pada tahun 1990an. Ia telah dirasmikan oleh DYMM Tengku Idris Shah Ibn Almarhum Sultan Sallehuddin Abd Aziz Shah Alhaj pada 10hb Mac 2000. Masjid ini terletak di Seksyen 9 Bandar Baru Bangi dan berada di atas tapak seluas 5 ekar dan bersebelahan dengannya adalah kompleks Mahkamah Syariah.

Tapak bangunan Masjid Al-Hasanah telah disediakan oleh PKNS, manakala kos pembinaannya adalah daripada peruntukan kerajaan. Pelan arkiteknya disediakan oleh pihak JKR dan pembinaan dilakukan oleh pihak swasta dengan kos pada akhir tahun 2000 itu hanya RM2 juta. Masjid ini dibina berasaskan seni bina moden yang mana terdiri dari batu bata konkrit dan beratapkan genting. Sisipan angin dibuat di bahagian atas dinding bagi memastikan pengudaraan yang baik masuk ke dalam masjid. Terdapat juga satu kubah besar yang berwarna hijau dan menara tinggi yang dibina di luar bangunan bagi melambangkan sebuah masjid.

Terdapat 38 buah surau yg terletak di Seksyen 1 hingga seksyen 16. Apabila beroperasi Masjid Al-Umm pada November 2018 yang terletak di Seksyen 1 Bandar Baru Bangi, pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah membuat persempadanan baru melalui surat bertarikh 23 Oktober 2018. Berdasarkan keputusan tersebut sebanyak 17 Surau diletak dalam kariah Masjid Al-Hasanah. Manakala 21 buah surau di dalam kariah Masjid Al-Umm. **Edisi**



## VISI:

Masjid Pusat Komuniti Yang Unggul

## MISI:

Menyediakan prasarana yang selesa dan kondusif kepada jemaah dan ahli kariah untuk melaksanakan ibadat, meningkatkan kefahaman agama dan kebajikan masyarakat.

## FUNGSI:

- 1 Tempat untuk orang Islam beribadat terutamanya mendirikan solat dan kegiatan agama Islam yang berlandaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (Asya'irah dan Maturidiyyah).
- 2 Pusat perpaduan umat Islam.
- 3 Pusat komuniti masyarakat.
- 4 Pusat kegiatan agama Islam dan penyebaran dakwah.
- 5 Pusat sehati ahli kariah dan pusat sumber maklumat untuk Majlis Agama Islam Selangor.

Kami mengalu-alukan maklumbalas daripada ahli kariah dan masyarakat umum.



MASJID AL-HASANAH  
BANDAR BARU BANGI

**MASJID AL-HASANAH BANDAR BARU BANGI**

Persiaran Kemajuan, Seksyen 9,  
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor.  
Telefon: 010-320 0422  
Email: masjidalhasanah@gmail.com



**MASJID AL-HASANAH  
BANDAR BARU BANGI**

## Wakaf

### Projek Pemulihan Fasa 2 Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi

Fasa ke-2 melibatkan komponen projek pemulihan seperti berikut :-

- Pendawaian Sistem Penghawa Dingin.
- Pendawaian Sistem Audio
- Pendawaian Semula Elektrik.
- Pemulihan Mihrab dan kerja- kerja yang berkaitan.
- Pemulihan Dewan Seminar
- Pemulihan Bilik Sumber
- Pemulihan Dataran Kafa
- Ruang Serbaguna, Bilik-bilik Tutorial dan sebagainya

Sumbangan boleh disalurkan ke :  
WAKAF PROJEK PEMULIHAN FASA 2,  
MASJID AL-HASANAH, BANDAR BARU BANGI

**21245 76001 3108**  
RHB Islamic Bank



MASJID AL-HASANAH  
BANDAR BARU BANGI

**Sasaran RM 7.5 Juta**

 Kamaruzaman  
019 241 3150

 Mufadzir  
012 635 8812





Sumber : **Majlis Agama Islam Selangor**



## Kunjungan Hormat Pengerusi MAIS Ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

**JULAI 2025** – Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin Saidin mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di sini. Kehadiran YAD Senator Dato' Setia disambut mesra oleh YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. **Edisi**



## Setiausaha MAIS Merasmikan Majlis Penutupan Seminar Falak Bumi Sfera Atau Bumi Rata: Perspektif Sains Falak

**OGOS 2025** - Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tuan Haji Mohd Sabirin bin Mohd Sarbini telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Seminar Falak Bumi Sfera atau Bumi Rata: Perspektif Sains Falak di Dewan Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam. **Edisi**



## MAIS Terima Lawatan Dari IKIM Bincang Luaskan Skop Kerjasama

**OGOS 2025** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menerima lawatan dari Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) bertujuan meneroka peluang bagi melebarkan skop kerjasama antara MAIS dan IKIM. **Edisi**



## MAIS Dekati Masyarakat Melalui Aktiviti Larian - Anjur Larian Merdeka, Edar 1,000 Jalur Gemilang Kepada Peserta

**OGOS 2025** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) terus komited mendekati masyarakat melalui penganjuran Program Larian Merdeka MAIS, yang bukan sahaja menggalakkan gaya hidup sihat, malah turut memupuk semangat perpaduan sempena sambutan bulan kemerdekaan. Program ini juga menjadi medium strategik untuk menyebarkan maklumat serta peranan MAIS kepada masyarakat secara lebih dekat dan berkesan. **Edisi**

## MAIS Kongsi Pengalaman Bersama MUIP Dan Muzium Pahang

**SEPTEMBER 2025** - YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin Saidin, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengetuai delegasi ke Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan Perbadanan Muzium Negeri Pahang bagi berkongsi pengalaman berkaitan operasi dan pengurusan hal ehwal Islam di negeri Pahang. **Edisi**



## Pengerusi MAIS Rasmikan Penutupan Konvensyen Falak Selangor 2025



**SEPTEMBER 2025** - YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin bin Saidin, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah merasmikan majlis penutup konvensyen Falak Selangor 2025 yang berlangsung selama tiga hari bermula 9 hingga 11 September 2025 di Kem Bumi Jati, Shah Alam. **Edisi**

Sumber : Jabatan  
Mufti SelangorSumber : Jabatan Kehakiman  
Syariah Negeri SelangorSumber : Jabatan Pendakwaan  
Syariah Selangor

## Jabatan Mufti Negeri Selangor Selesai Audit SIRIM Bagi Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 Bagi Tahun 2025

**OGOS 2025** - Jabatan Mufti Negeri Selangor telah selesai menjalani Audit Pensijilan Semula oleh pihak SIRIM. Audit yang berlangsung selama dua hari, pada 25 dan 26 Ogos 2025, telah dikendalikan oleh dua orang auditor iaitu Puan Hajah Hanida binti Ghazali dan Encik Mahmud Rizal bin Othman. **Edisi**



## Program Cerapan Gerhana Bulan Penuh Di Masjid Alam Impian, Shah Alam

**SEPTEMBER 2025** - Program Cerapan Gerhana Bulan Penuh telah diadakan di Masjid Alam Impian, Shah Alam pada 7 hingga 8 September 2025. Program ini berjaya menarik kehadiran masyarakat setempat untuk hadir menyaksikan fenomena kebesaran Allah SWT ini. **Edisi**



## JAKESS Perkasa Petugas Barisan Hadapan Melalui Kursus Pengurusan Khidmat Pelanggan

**JUN 2025** - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah berjaya menganjurkan Kursus Pengurusan Khidmat Pelanggan dengan tema "Membina Kepercayaan dan Kesetiaan". Kursus ini telah diadakan pada 25 dan 26 Jun 2025 di Sri Damai Resort, Kalumpang. **Edisi**



## Majlis Amanat Flag Off Kontijen Selangor Sempena MUM'S 2025

**OGOS 2025** - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah mengadakan Majlis Amanat Flag Off Kontijen Selangor bersempena Kejohanan Multaqa Mahkamah Syariah 2025 (MUM'S 2025) yang diadakan di Aras 2, Dewan Mukhtar, JAKESS. **Edisi**

## Perhimpunan Jabatan Bilangan 4 Tahun 2025 Dan Sambutan Hari Malaysia Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)

**SEPTEMBER 2025** - Sambutan Hari Malaysia JAKESS telah diadakan di Dewan Mukhtar, majlis dimulakan dengan ucapan amanat oleh YAA Dato' Mohammad Adib Bin Husain, Ketua Hakim Syarie Selangor dan diteruskan dengan penyampaian salinan *vade mecum* dan pelan tindakan bencana rekod kepada semua lokasi dan ketua-ketua bahagian Jabatan ini. **Edisi**



## Majlis Apresiasi Tahun 2024 dan Sambutan Hari Kebangsaan Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS) Tahun 2025

**SEPTEMBER 2025** - JPSS telah mengadakan Majlis Apresiasi JPSS Tahun 2024 dan Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2025 di Hotel Wyndham Acmar, Klang. **Edisi**



Sumber : Jabatan Agama  
Islam SelangorSumber : Perbadanan  
Wakaf SelangorSumber : Lembaga  
Zakat Selangor

## Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor Tahun 1447H/2025M

**SEPTEMBER 2025** – Duli Yang Maha Mulia Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibn Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berkenaan berangkat ke Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor Tahun 1447H/2025M bertempat di Dewan Syarahan & Muzakarah Islam Shah Alam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor. **Edisi**



## IJPAM 2025: Selangor Juara Keseluruhan

**SEPTEMBER 2025** - Kontinjen Negeri Selangor menamatkan cabaran di Ijtimak Perdana Agensi Agama Seluruh Malaysia (IJPAM) 2025 di Johor dengan pencapaian cemerlang apabila muncul sebagai Juara Keseluruhan. **Edisi**



## PWS Hargai Rakan Media Anjur Boling Mahabbah

**SEPTEMBER 2025** – Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) meraikan rakan-rakan media dengan menganjurkan Boling Mahabbah PWS yang berlangsung di Alam Lane, Aeon Mall, Shah Alam. **Edisi**



## Segmen Assalamualaikum Bersama Perbadanan Wakaf Selangor Di TV Al Hijrah

**SEPTEMBER 2025** - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dengan kerjasama TV Al Hijrah telah bersiaran langsung Pusat Penyiaran Digital TV Al Hijrah. Segmen Assalamualaikum bertajuk "Satu Wakaf, Sejuta Manfaat" disampaikan oleh YBhg. Dr. Haji Muhammad Hafiz bin Haji Muhamad Haneefa (PU Hafiz). **Edisi**



## Kembara Zakat 2025: LZS Bawa Misi Dakwah Ke Selatan

**JULAI 2025** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) terus memperkukuh peranannya dalam memperkasa institusi zakat apabila menyertai Konvoi Kembara Zakat Kebangsaan (KZK) 2025 yang telah diadakan pada 15 hingga 18 Julai lalu anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). **Edisi**



## Sultan Selangor Berkenan Terima Zakat Perniagaan & Pendapatan RM64.97 Juta

**SEPTEMBER 2025** - Lembaga Zakat Selangor (LZS) terus memperkukuh kedudukan sebagai pemangkin utama kesejahteraan ummah apabila mengiktiraf peranan rakan strategik yang menjadi tulang belakang dalam ekosistem pengurusan zakat negeri menerusi penganjuran Majlis Gmerlapan Rakan Strategik Zakat Selangor (GRASIAZ) 2025. **Edisi**



Sumber : **Universiti Islam  
Selangor**



Sumber : **Yayasan  
Islam Darul Ehsan**



Sumber : **Teraju  
Ekonomi Asnaf SB** **TERAS**  
Teraju Ekonomi Asnaf

## UIS Mencipta Sejarah Terukir Dalam Buku Rekod Malaysia Sempena Hari Kemerdekaan 2025

**OGOS 2025**- Universiti Islam Selangor (UIS) mencipta sejarah tersendiri apabila berjaya mencatat rekod baharu dalam *The Malaysia Book of Records* bagi kategori "Penyertaan Terbesar dalam Program Interpretasi Merdeka". Rekod ini direkodkan menerusi penyertaan terbesar warga kampus dalam program tafsir tema kemerdekaan sempena Hari Kebangsaan 2025.

**Edisi**



## UIS Menerima Anugerah Penyelidikan dan Pembangunan Terbaik Dalam Kewangan Islam Di Anugerah GIFA 2025

**SEPTEMBER 2025** - Universiti Islam Selangor (UIS) melalui Pusat Penyelidikan Antarabangsa bagi Ekonomi dan Kewangan Islam (IRCIEF) telah menerima Anugerah Penyelidikan dan Pembangunan Terbaik dalam Kewangan Islam 2025 pada majlis Anugerah Kewangan Islam Global (GIFA) 2025 yang diadakan di Hotel Four Seasons, Kuala Lumpur. **Edisi**



## YIDE Anjur Celik Falak & Program Astronomi Islam Untuk Anak-Anak Yatim Negeri Selangor

**JULAI 2025** - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan kerjasama Masjid Asy-Syarif, Meru dan Kompleks Falak Al-Khawarizmi, Tanjung Bidara, Melaka telah menganjurkan Program Celik Falak dan Astronomi Islam khusus untuk anak-anak yatim dari Negeri Selangor. **Edisi**



## Demi Project UKM GSB Bersama Pusat Dialisis MAIS – Menyantuni Dengan Harapan

**SEPTEMBER 2025** - DEMI Project pelajar UKM telah melakar satu lagi sejarah bermakna melalui gimik serahan Mockup Kunci pengangkutan kepada Pusat Dialisis MAIS Cawangan Taman Melawati sebagai tanda sokongan padu dalam usaha memudahkan perjalanan para pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis. **Edisi**



## Kursus Jahitan Kebaya Tradisional Untuk Asnaf Di Klang Sentral

**OGOS 2025** - Seramai 10 peserta daripada golongan asnaf menyertai Kursus Jahitan Baju Kebaya Tradisional anjuran Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. di bawah Pusat Latihan Kemahiran TERAS (PLKT), Sektor Perkhidmatan Jahitan (SPJ) dengan kerjasama Sektor Pembangunan Perniagaan (SPP). **Edisi**



## Kunjungan Hormat TERAS Ke Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK)

**OGOS 2025** - Pihak Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (TERAS) yang lain telah mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK). Pelbagai cadangan dan pandangan turut dikongsi bagi memperkasa komuniti usahawan asnaf. **Edisi**



# JOM BERBAHASA ARAB MUDAH!

(Siri 3/2025)



Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid**  
(hamizul@zakatselangor.com.my)  
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan,  
Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

**A**ssalamua'laikum wrt. Apa khabar semua? Kaifalukum Jamian (كَيْفَ خَالِكُمْ جَمِيعًا)? Kita sering bertemu dengan kawan-kawan. Apa kata kali ini kita cuba berbahasa Arab dengan mereka. Ringkas dan mudah sahaja.

Pada sesi Bahasa Arab Mudah Siri 3 / Tahun 2025 kali ini, kita akan sama-sama mempelajari beberapa kalimah dalam Bahasa Arab yang digunakan dalam sebuah hadis, iaitu hadis mengenai sedekah. Mudah-mudahan, kita dapat memahami hadis berkenaan dan mengamalkannya sehari-hari dalam kehidupan.

Nabi Muhammad SAW bersabda:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ

Ertinya: "Sedekah tidak akan mengurangi harta." (Hadis riwayat Imam Muslim)

Keterangan ringkas: Hadis ini menjelaskan bahawa sedekah yang dikeluarkan oleh manusia itu sama sekali tidak akan mengurangkan harta pemiliknya sehingga dia menjadi miskin; namun hakikatnya ia menyuburkan harta si pemberi sehingga menjadi lebih banyak lagi. Maka, tidak perlu merasa takut untuk memberikan sedekah atau zakat, kerana ia adalah cara terbaik untuk menyuburkan harta kita.

Berikut adalah pecahan perkataan dari hadis di atas:

Bahasa Arab	Transliterasi	Bahasa Melayu
مَا	Ma	Tidak
نَقَصَتْ	Naqasat	Berkurang
صَدَقَةٌ	Sadaqat	Sedekah
مِنْ	Min	Dari
مَالٍ	Mal	Harta

Kalimah (مَا) mempunyai beberapa makna, selain bermakna 'tidak', ia juga bermakna 'apa'. Contoh ayat seperti berikut:

Bahasa Arab	Transliterasi dan makna	Contoh ayat dalam Bahasa Arab	Maknanya
ما معنى؟	Ma makna = Apa maknanya?	ما مَعْنَى الْإِسْتِقْلَالِ؟	Apa maknanya kemerdekaan?
ما قلته؟	Ma qultuhu = Apa yang kamu katakan?	مَا قُلْتُهُ لِلشُّرْطَةِ فِي وَقتِ سَابِقِ؟	Apa yang kamu beritahu polis tadi?
ما هذا؟	Ma haza = Apakah ini?	ما هذا؟ أَحْسَى أَنْ يَنْفَجِرَ	Apakah ini? Saya takut ia pecah.

Kita boleh mengamalkan hadis dan ayat di atas sehari-hari. Mudah-mudahan, lambat laun kita akan terbiasa dengannya dan dapat mengetahui makna atau erti bagi ayat-ayat yang lain di dalam Bahasa Arab dengan lebih mudah. Sehingga berjumpa lagi di lain siaran, ilalliq (إِلَى اللَّقَاءِ) atau jumpa lagi! Wallahua'lam. **Edisi**

## SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI EMPAT PULUH LIMA)

اوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن

منشي ديوان (جاوي)

### "ايمبوهن فبنجمن"

ايمبوهن كات فينجمن ايمبوهن يڠ دفينجم درفد  
ايمبوهن بهاس سنسكريت، ايڠكريس دان عرب. اي بوليه دترپما  
فاكاي سباكاي ايمبوهن فينجمن دالم بهاس ملايو باكو. قاعده  
ايجاءنن هندقله دتوليس سرڠكاي.

1- ايمبوهن براولن سنسكريت، چونتوهن:

چونتوه	كات داسر	بهاس سنسكريت	كات
داساورسا	ورسا	داس	-1
دويبهاس	بهاس	دوي	-2
دويموسيم	موسيم		
ايكافوغسي	فوغسي	ايك	-3
ايكاتوجوان	توجوان		
جوروتربڠ	تربڠ	جورو	-4
جوروبهاس	بهاس		
مهاسيسوا	سيسوا	مها	-5
مهارج	راج		
فنچاءيندرا	ايندرا	فنچا	-6
فراشرط	شرط	فرا	-7
فراشڠك	شڠك		
تاتابهاس	بهاس	تات	-8
تاتاترتيب	ترتيب		

# Pelan AntiRasuah MAIS - MEMBINA INTEGRITI DALAM PENTADBIRAN ISLAM NEGERI SELANGOR



Oleh: **Shahrul Effendy bin Md Saat (fendy@mais.gov.my)**  
Eksekutif Perhubungan Awam & Khidmat Pelanggan,  
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

**S**u rasuah dan integriti dalam pentadbiran sentiasa menjadi perhatian masyarakat, khususnya apabila ia melibatkan institusi agama. Sebagai institusi yang diberi amanah mengurus hal ehwal Islam di Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Pelan Anti Rasuah MAIS. Pelan ini dilihat bukan sekadar dokumen dasar, tetapi sebagai satu blueprint menyeluruh untuk membentuk budaya kerja berintegriti tinggi dalam kalangan warga MAIS serta institusi di bawahnya.

Pelan yang telah dilancarkan dalam Majlis Perutusan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada 17 Januari 2024 itu menjadi simbol komitmen MAIS dalam memastikan pentadbiran Islam negeri bebas daripada penyelewengan, salah guna kuasa dan sebarang bentuk ketirisan. Usaha ini sekali gus menegaskan bahawa amanah agama perlu dijalankan dengan penuh tanggungjawab, telus dan adil.

## FOKUS KEPADA LIMA BIDANG UTAMA

MAIS telah mengenal pasti lima bidang utama yang menjadi keutamaan dalam Pelan Anti Rasuah ini. Bidang-bidang tersebut ialah:

- Pengurusan & Pentadbiran** – memastikan urusan pentadbiran yang cekap dan telus, bebas daripada salah guna jawatan dan kuasa.
- Perolehan** – mengawal proses pembelian, kontrak serta perkhidmatan supaya tidak berlaku manipulasi.
- Pengurusan Projek** – menjamin projek pembangunan dan pengurusan dijalankan secara berintegriti, daripada peringkat perancangan hingga pelaksanaan.
- Sumbangan & Agihan** – memastikan pengurusan dana baitulmal, zakat, wakaf dan bantuan sampai kepada penerima dengan adil dan tepat.
- Pengurusan Baitulmal** – memastikan dana awam yang diurus benar-benar memberi manfaat kepada masyarakat, tanpa ketirisan.

## INISIATIF PENCEGAHAN

Pelan ini diperincikan dengan 39 inisiatif khusus meliputi aspek pendidikan, penguatkuasaan dan pencegahan. Antaranya ialah penambahan sistem audit dalaman, latihan integriti secara berterusan, mekanisme pelaporan aduan yang lebih telus, serta kerjasama rapat dengan agensi penguatkuasaan.

Inisiatif ini tidak hanya terhad kepada warga kerja MAIS, tetapi diperluaskan kepada anak syarikat, institusi masjid, surau, sekolah agama Islam serta agensi di bawah MAIS. Pendekatan ini menunjukkan MAIS memahami bahawa integriti perlu dijayakan bersama-sama, melibatkan semua pihak dalam ekosistem pentadbiran Islam negeri.

## PERANAN AGENSI ISLAM NEGERI

Keberkesanan Pelan Anti Rasuah MAIS turut bergantung pada kerjasama erat dengan agensi Islam lain di Selangor. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), sebagai agensi pelaksana dasar Islam, mempunyai peranan besar dalam memastikan penguatkuasaan syariah, pengurusan masjid dan sekolah agama dilakukan secara telus serta bebas daripada pengaruh tidak sihat.

Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) pula berperanan mengeluarkan fatwa, pandangan serta nasihat hukum yang bersifat adil, bersih dan bebas daripada sebarang kepentingan luar. Integriti dalam institusi ini amat penting kerana keputusan syarak yang dikeluarkan memberi kesan langsung kepada masyarakat Islam keseluruhannya.

Tidak kurang pentingnya, Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang mengurus dana zakat bernilai jutaan ringgit setiap tahun. Dengan pelaksanaan pelan ini, MAIS berharap pengagihan zakat dapat dilaksanakan dengan lebih telus, tepat dan sampai kepada golongan asnaf yang benar-benar memerlukan. Keberkesanan agihan zakat yang berintegriti bukan sahaja memberi manfaat kepada penerima, malah meningkatkan keyakinan pembayar zakat terhadap institusi ini.

Kerjasama dan sinergi antara MAIS, JAIS, JMNS dan LZS akan memperkukuhkan ekosistem pentadbiran Islam di Selangor. Apabila semua agensi ini bergerak seiring dengan nilai integriti, imej Islam sebagai agama yang mementingkan keadilan dan ketelusan dapat dipelihara. **Edisi**



# PENGGUNAAN AI DALAM DUNIA TANPA SEMPADAN



Oleh: **Encik Mohd Hafiz bin Abdul Salam** ([hafizsalam@mais.gov.my](mailto:hafizsalam@mais.gov.my))  
Ketua Pusat Penyelidikan, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

**A**rtificial Intelligence (AI) atau kecerdasan buatan merupakan satu pencapaian besar dalam bidang sains dan teknologi oleh manusia yang mampu menggantikan peranan manusia dengan lebih cekap. Teknologi ini semakin menjadi satu keperluan penting dalam kehidupan di mana penggunaannya secara meluas di pelbagai platform untuk pelbagai tujuan.

Perkembangan pesat teknologi AI ini telah membuka peluang untuk dimanfaatkan dalam pelbagai sektor termasuklah bidang keagamaan. Dengan keupayaan AI untuk menganalisis data yang kompleks secara cepat dan tepat, ianya dapat memberikan maklumat yang telah disaring berasaskan data dari pelbagai sumber. Ia boleh menjadi medium yang sangat berkesan dalam meningkatkan tahap kecekapan dan ketepatan bagi manusia dalam mendapatkan rujukan secara pantas. Secara asasnya, Islam tidak pernah menolak perkembangan AI kerana ia mempunyai manfaat kepada kemanusiaan tetapi tetap ianya perlu diletakkan had, batasan dan panduan dalam penggunaannya.

## WUJUD KEBIMBANGAN

AI dilihat boleh digunakan untuk kebaikan atau keburukan bergantung kepada niat manusia. Al-Quran juga ada menekankan kepentingan kebijaksanaan dalam menggunakan ilmu pengetahuan. Allah SWT berfirman dalam surah Surah An-Nahl ayat 125, "Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik." Ayat ini menyeru agar menyampaikan ilmu dengan hikmah dan cara yang terbaik, menunjukkan pentingnya kebijaksanaan dan mempelbagaikan kaedah berdakwah yang selaras syarak.

Dalam konteks etika Islam, batasan mesti diletakkan dengan melihat kepada maqasid syariah sebagai panduan kepada sesuatu perkembangan teknologi agar tidak membawa kemudaratan kepada agama, harta, nyawa, keturunan dan akal. Sebagai contoh, teknologi AI yang digunakan dalam bidang ketenteraan yang tidak disulami dengan etika dan nilai Islam dibimbangi boleh mewujudkan ancaman kepada nyawa dan kemusnahan harta benda.

## AWASI TEKNOLOGI

Kita perlu sedar bahawa AI dalam konteks teknologi berbeza dengan manusia yang dijadikan Allah SWT sebagai makhluk yang paling istimewa. Ulama terdahulu termasuk Imam al-Ghazali ada membahaskan di mana unsur manusia merangkumi jasad, roh, hati, akal dan nafsu. Teknologi tidak mempunyai unsur seperti manusia dan tidak mampu berfikir serta beremosi seperti manusia. Pembangunan dan penciptaan AI ini adalah semata-mata sebagai alat yang boleh membantu dalam memudahkan tugas manusia. Perkembangan AI perlu diawasi kerana dibimbangi boleh membawa kemudaratan kepada manusia yang seterusnya memerlukan kita untuk meneliti dan berhati-hati dalam penggunaannya.

## ANCAMAN DAN CABARAN

Kewujudan teknologi AI meletakkan manusia mudah terjerumus kepada risiko penipuan, buli siber, fitnah dan sebagainya. Perkara ini perlu berbalik kepada kesedaran pengguna itu sendiri kerana apabila sesuatu maklumat dikongsi secara maya, ia perlu memastikan maklumat tersebut sah seperti meletakkan sumber maklumat tersebut diperolehi. Islam tidak pernah menolak teknologi tetapi kita perlu sedar risiko, ancaman dan cabaran yang boleh menyebabkan kita terdedah kepadanya. Di dalam Islam, iman dan takwa sanat penting dalam menghadkan keterbengantungan umat Islam kepada teknologi. Melalui iman, kita akan sentiasa merasakan Allah SWT lebih besar dan berkuasa dari segalanya.

Di negeri Selangor, dalam memastikan maklumat yang diperolehi tepat, pengguna yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan hukum syarak boleh mendapatkan maklumat tersebut di ruangan soal jawab di laman web Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS). Bagi mengetahui berkaitan sistem keadilan syariah boleh mendapatkan maklumat melalui laman web rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS). Manakala, semua maklumat berkaitan pentadbiran agama Islam di negeri Selangor boleh lawati laman web rasmi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Ketiga-tiga pihak berkuasa agama ini bertanggungjawab selaras dengan fungsi agensi dan jabatan ini ditubuhkan berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (EPAINS) 2003. Pengguna yang bijak dapat memanfaatkan teknologi AI dalam konteks menyebarkan dakwah, meningkatkan kualiti pendidikan Islam serta menyokong pembangunan ekonomi umat Islam. Meskipun banyak negara belum memiliki kerangka undang-undang yang jelas berkaitan AI, penggunaannya boleh dipandu oleh prinsip dan etika Islam seperti keadilan, bertanggungjawab, privasi dan kesejahteraan manusia. Walluhua'lam. **Edisi**

# WAKAF BUKAN SEKADAR MEMBERI, TETAPI MENINGGALKAN LEGASI



Oleh: **Encik Muhammad Hafiz bin Bahari** ([hafizbahari@wakafselangor.gov.my](mailto:hafizbahari@wakafselangor.gov.my))  
Pengurus Bahagian Korporat, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)

**W**akaf itu bukan derma biasa, tetapi tanda cinta daripada dunia ke akhirat. Di kesempatan waktu yang ada dalam sisa kehidupan seharian jangan sesekali untuk kita tidak melaksanakan ibadah wakaf. Tapi wakaf ini apa sebenarnya?

Apabila masyarakat berbicara perihal wakaf, secara tidak langsung dalam kotak fikiran sebahagian daripada mereka terbayang wakaf tanah, wakaf kubur dan ada juga yang terbayang seperti wakaf (gazebo – tempat berehat).

Namun, stigma ini memang tidak dapat dinafikan kerana pemahaman masyarakat dalam sesuatu adakalanya berbeza daripada maksud yang sebenar.

Wakaf dari sudut istilah ialah harta yang ditahan haknya daripada dijual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber atau fizikalnya dan manfaatnya digunakan untuk kebajikan dengan niat mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT.

## Sejarah Wakaf di Negeri Selangor

Dalam negeri yang membangun ini iaitu Selangor Darul Ehsan telah berkembang awal perihal wakaf yang mana sekitar 1955 Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj mewakafkan Istana Jemaah baginda untuk menjadi tapak rasmi Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS).

## Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebagai Pemegang Amanah Tunggal Wakaf

Jika dalam konteks wakaf dalam negeri Selangor, MAIS ialah pemegang Amanah Tunggal wakaf seperti mana dirujuk dalam Enakmen Wakaf Negeri Selangor seksyen 4 (1).

## Penubuhan PWS



Pada 30 Oktober 2009, DYMM Sultan Selangor telah bertitah supaya MAIS menubuhkan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) agar pengurusan wakaf dapat diperkasakan seperti pengurusan zakat. Satu perintah penubuhan PWS 2011 telah diperkenankan oleh DYMM Sultan Selangor pada 11 Januari 2011 dan diwartakan pada 3 Februari 2011.

Bermula pada tahun 2011, pentadbiran dan pengurusan wakaf di negeri Selangor ditadbir dan diuruskan oleh PWS.

## Pencapaian PWS

Kini PWS memasuki tahun yang ke-14, dan alhamdulillah bila berbicara perihal wakaf masyarakat telah menerima dengan baik, dari sudut pewakaf hartanah pada tahun 2023 sahaja sebanyak 102 pendaftaran tanah wakaf telah berjaya didaftarkan, manakala dari sudut kutipan wakaf tunai tahun 2023 berjumlah RM 11.481 juta berbanding pada tahun 2011 hanya 0.14 juta.

## Produk Wakaf

### Wakaf Tunai

Dengan peredaran zaman dan kekangan masyarakat untuk berwakaf melalui hartanah, PWS telah memperkenalkan Wakaf Tunai bermula pada tahun 2017 yang mana Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-5/2017 yang bersidang pada 17 Oktober 2107 bersamaan 26 Muharram 1438H memutuskan bahawa;

**“harus melaksanakan wakaf tunai sebagai harta wakaf”**

Oleh yang demikian, setiap nilai RM yang kita ada boleh diwakafkan. Kata pujangga ada menukilkan, Biarpun NAFAS terhenti, JARIAH terus mengalir, kerana apa sedekah jariah ini akan berterusan walaupun pewakaf telah meninggal dunia, namun ketika hayat pewakaf semasa hidup telah berwakaf, manfaatnya akan terus dirasai oleh semua lapisan masyarakat.

Melalui wakaf tunai ini, PWS turut mengagihkan kepada institusi yang memerlukan melalui Wakaf Fisabilillah dan pada tahun 2023 sahaja, PWS telah salurkan sebanyak RM 1.8 juta bagi tujuan menaik taraf institusi seperti sekolah, surau, masjid, rumah anak yatim dan lain-lain.

## Harapan

PWS menjunjung titah DYMM Sultan Selangor pada 27 Julai 2021 di Istana Alam Shah, Klang;

**“Peranan PWS dalam membangunkan wakaf perlu diperkasakan sebagai pemangkin Pembangunan sosio ekonomi ummah.”**

Oleh yang demikian, PWS sangat berharap masyarakat dalam negeri Selangor dapat melazimi ibadah wakaf, kerana ia adalah sunnah Baginda Nabi Muhammad S.A.W dan juga sebagai satu saham akhirat untuk kita semua.

Jadinya kepada semua masyarakat, bersegeralah untuk kita melaksanakan kebaikan dengan melazimi ibadah wakaf dan boleh melayari laman web PWS [www.wakafselangor.gov.my](http://www.wakafselangor.gov.my) atau terus menghubungi PWS di talian 03 5518 8001. **Edisi**



**KINI ANDA BOLEH  
BERWAKAF  
MELALUI**




Billar Code: 233064  
Ref-1: No. Kad Pengenalan  
Ref-2: No. Telefon

JomPAY online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah  
Alih dengan akaun semasa, simpanan atau kad kredit

# LUPUSKAN WANG TIDAK PATUH SYARIAH

## KE BAITULMAL MAIS




## LUPUS HASIL DIVIDEN

### AKAUN KONVENSIONAL KWSP ANDA

Amaun Penyucian Dividen adalah mengikut **kadar tidak patuh syariah** yang diumumkan oleh pihak KWSP daripada Dividen Simpanan Konvensional tahun terlibat bagi ahli KWSP beragama Islam yang masih belum bertukar ke Simpanan Shariah.

#### KADAR PENYUCIAN DIVIDEN KONVENSIONAL KWSP MENGIKUT TAHUN



#### CONTOH PENGIRAAN:

- Jumlah dividen Simpanan Konvensional 2023: **RM1,000**
- Jumlah dividen yang perlu disucikan: **RM1,000 X 66% = RM660**

#### LUPUSKAN DI BAITULMAL, MAIS

No. Akaun BIMB : **1203-8010-0956-76**  
Sebarang pertanyaan, sila hubungi  
Bahagian Dakwah & Pemasaran :  
**010-2519556 / 03-55143772**

#### MAKLUMAT LANJUT



# EDISI الاجل MAIS

**KENALI PWS:  
KENALI  
PERBADANAN  
WAKAF  
SELANGOR**

**Ms 18**

[www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)



## ANDA ALUMNI ASASI UIS?

**Jom Sambung Ijazah Sarjana  
Muda di UIS!**

- \* **YURAN PENDAFTARAN PERCUMA**
- \* **KOLEJ KEDIAMAN SEHINGGA TAMAT PENGAJIAN**

Tarikh pendaftaran :  
**15 & 16 November 2025**

**MOHON  
SEKARANG!**



[study.uis.edu.my](http://study.uis.edu.my)

## Bidang Pengajian

- ✓ Syariah
- ✓ Syariah Undang-undang
- ✓ Pengajian Islam
- ✓ Kewangan Islam
- ✓ Multimedia Kreatif
- ✓ Bahasa & Komunikasi
- ✓ Pendidikan
- ✓ Pendidikan (Tahfiz)
- ✓ Perakaunan
- ✓ Komputeran
- ✓ Pengurusan



# Jom Bantu Asnaf Setiap Bulan

melalui Skim Potongan Gaji & Direct Debit

dan berpeluang memenangi hadiah menarik  
(Penyertaan bermula dari Januari - Disember 2025)

## 1 HADIAH UTAMA

Pakej Pelancongan ke  
Turkiye bernilai RM6,000



## 3 Hadiah Kedua

Pakej Pelancongan Muslim  
bernilai RM1,200

## 9 Cabutan Khas

Emas 0.5g

(6x SPG / 3x Direct Debit)  
Untuk Mula & Tambah Caruman  
Daripada 1 Jan - 30 Jun 2025

## 50 Saguhati

Touch'n Go  
bernilai RM100



LEMBAGA  
**ZAKAT SELANGOR**  
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR



Direct Debit



Skim Potongan Gaji